

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Kerugian Turutan Kebakaran. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

**INSURANS KERUGIAN TURUTAN KEBAKARAN****1. Apakah produk ini?**

Polisi ini melindungi kerugian akibat dari gangguan atau melibatkan kepada perdagangan atau aktiviti perniagaan disebabkan oleh kebakaran, kilat, letupan gas yang digunakan untuk tujuan domestik dan risiko-risiko lain yang diinsuranskan di bawah Insurans Kebakaran.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana yang berikut untuk Insurans Kerugian Tuntutan Kebakaran:

- Untung Kasar/Perolehan Kasar/Sewa Kasar
- Tanggungan Tetap
- Upah
- Penambahan Kos Kerja
- Bayaran Juruaudit

Dengan pembayaran premium tambahan, polisi ini boleh di lanjutkan bagi perlindungan yang berikut:

- Kepada Pembekal/Pelanggan
- Kepada Pembekal Yang Tidak Di Namakan
- Kepada Pembekal Yang Di Namakan
- Di Halang Untuk Masuk
- Kemudahan Awan
- Jangkitan atau Penyakit-Penyakit Berjangkit, Pembunuhan, Bunuh Diri, Makhluk Perosak atau
- kegagalan penyelenggaraan kebersihan.

**3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis perniagaan anda, panjangnya tempoh gantirugi, jenis risiko-risiko yang anda pilih untuk diinsuranskan dan keperluan pengunderaitan Syarikat Insurans.

**4. Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?**

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a. Cukai barangan dan Perkhidmatan Kerajaan (jika ada)	0% daripada premium
b. Duti Setem	RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 15% daripada premium.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

- **Kewajipan pendedahan** : anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada boring anda, jika tidak, polisi anda akan dianggap tidak sah dan dimansuhkan.
- **Jumlah untuk diinsuranskan** : Anda boleh menginsuranskan pada jumlah teranggar dengan mengambil kira Untung Kasar / Perolehan Kasar / Sewa Kasar anda bagi tahun lepas, seperti penyata akaun anda ditambah dengan untung ramalan bagi tahun semasa, jika ada. Jika jumlah sebenar yang diperolehi kurang daripada jumlah teranggar yang diinsuranskan, maka pemulangan premium pro-rata tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada premium sementara berbayar akan dibuat berhubung dengan perbezaannya.
- **Kesan dari jumlah yang diinsuranskan tidak mencukupi** : Jika jumlah yang diinsuranskan untuk Untung Kasar / Perolehan Kasar / Sewa Kasar dalam polisi anda adalah kurang dari jumlah sebenar semasa berlakunya kerugian, anda dianggap menginsurans di bawah nilai dan telah menginsurans sendiri perbezaan. Syarat purata akan di kenakan jika ada tuntutan.
- **Premium Warranti** : Premium mesti di bayar dan di terima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko
- Polisi ini akan dihentikan jika syarikat anda ditamat atau diambil alih oleh Pembubar Syarikat atau Pemegang Amanah Raya atau berhenti beroperasi selama-lamanya.
- Polisi ini hanya dibenarkan apabila Insurans Kebakaran telah diambil dengan pihak kami.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian-kerugian seperti:

- Kerugian oleh kejadian luar biasa yang timbul ketika gangguan berlaku.
- Kerugian oleh sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau kegiatan perniagaan.
- Kerugian akibat kekurangan capital yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta yang musnah, rosak atau hilang tepat pada masanya.
- Kerugian akibat pembakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana Pihak Berkuasa Awam.
- Kebakaran Bawah Tanah.
- Perang, Perang Saudara dan mana-mana tindakan keganasan.
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami, Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?**

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan buti-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda.

**10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?**

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda

**11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kecurian ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di [www.mpigeneral.com](http://www.mpigeneral.com)

**MPI Generali Insurans Berhad**

(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

**8th Floor, Menara Multi-Purpose**

**Capital Square**

**No. 8, Jalan Munshi Abdullah**

**50100 Kuala Lumpur**

**Tel: 03-2034 9888**

**Fax: 03-2694 5758**

**Email: [generalenquiries@mpigenerali.com](mailto:generalenquiries@mpigenerali.com)**

**NOTA PENTING:**

**ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAHFAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.**

**ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/062018